

# RM348j untuk promosi pelancongan

PETALING JAYA, Jumaat - Kerajaan memperuntukan RM348 juta untuk promosi pelbagai destinasi pelancongan baru termasuk kawasan pertanian di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

Beliau yakin industri pelancongan tempatan akan berterusan menyumbang pendapatan lebih besar kepada negara selepas industri pengeluaran dan petroleum.

"Selaras semangat Persekutuan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta industri hotel tempatan perlu bekerjasama bagi menarik lebih ramai pelancong asing.

"Ini termasuk meningkatkan mutu perkhidmatan setanding dengan destinasi pelancongan

utama di seluruh dunia," katanya dalam perutusan sempena pelancaran The New Petaling Jaya Hilton International, di sini, semalam.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Presiden & Ketua Eksekutif Pernas, Tunku Tan Sri Shahrizan Tunku Sulaiman dan Pengurus Besar Petaling Jaya Hilton International, Wan Shukur Wan Ibrahim.

Pernas membelanjakan RM75 juta untuk mengubah suai Petaling Jaya Hilton International yang sebelum ini dikenali Petaling Jaya Hilton. Ia mempunyai 364 bilik dengan kemudahan bertaraf antarabangsa.

Dalam perutusan yang sama, Tunku Shahrizan Tunku Sulaiman berkata, Pernas kini memiliki 11 hotel bertaraf lima bintang dengan 4,000 bilik di pelbagai lokasi strategik di seluruh negara.